

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Sultan Selangor beri sumbangan kepada anak yatim

18. Sep 2008

Berita Harian

Pendidikan

217920

2083000

Language MALAY

Page No 14

Article Size 263 cm2

Frequency Daily

Color Full Color

AdValue 4658.31



**SULTAN** Sharafuddin menyampaikan sumbangan hari raya kepada anak yatim sambil diperhatikan Mohamed Khaled (kiri) pada majlis berbuka puasa UPM di masjid UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.

## Sultan Selangor beri sumbangan kepada anak yatim

**S**ULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan menghadiri majlis berbuka puasa dan solat tarawih bersama warga Universiti Putra Malaysia (UPM) dan menyampaikan sumbangan hari raya kepada anak yatim.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim; Pro Canselor UPM merangkap Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings Berhad (Puncak Niaga), Tan Sri Rozali Ismail dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Majlis yang berlangsung di masjid UPM, Serdang itu dimulakan dengan penyampaian sumbangan hari raya berbentuk wang tunai tajaan Puncak Niaga kepada 180 anak yatim dari Rumah Nurhikmah, Kajang dan empat sekolah sekitar Serdang, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Serdang, SK Sri Serdang, Sekolah Menengah (SM) Sri Indah serta SM Sri Serdang.

Selesai majlis berbuka puasa, baginda berkenan menunaikan solat Isyak dan tarawih bersama kira-kira 2,000 pelajar dan kakitangan UPM serta masyarakat sekitar Serdang yang menghadiri majlis berkenaan.